

Program bersepadu perlu menyeluruh

PROGRAM integrasi atau bersepadu dalam sektor pertanian perlu dilaksanakan dalam konteks yang lebih luas dan tidak hanya tertumpu kepada kerjasama di kawasan ladang sahaja.

Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Pertanian, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, Dr. Siti Zaharah Sakimin berkata, perkara itu penting bagi membolehkan semua pihak khususnya para petani mendapat manfaat daripadanya.

“Pada masa ini, kebanyakan



SITI ZAHARAH

program pertanian yang dikatakan dilaksanakan secara bersepadu hanya tertumpu kepada kerjasama melibatkan pelbagai agensi dan jabatan berkaitan meliputi aktiviti perladangan dan pemasaran.

“Walaupun bentuk kerjasama tersebut sangat baik, tetapi ia masih tidak mencukupi dan belum menyeluruh,” katanya.

Jelas beliau, program pertanian yang bersepadu sepatutnya merangkumi pelbagai peringkat dan bidang, termasuklah kajian dan penyelidikan, geran dan dana,

aktiviti perladangan hinggalah kepada pemasaran produk akhir.

Misalnya, apabila sesebuah agensi atau jabatan diperuntukkan sejumlah geran atau dana untuk projek pembangunan sesuatu jenis tanaman, ia tidak boleh digunakan secara bersendirian oleh agensi tersebut.

Sebaliknya jelas Siti Zaharah, peruntukan berkenaan perlulah diagihkan kepada mana-mana pihak yang berkaitan untuk pelbagai tujuan termasuklah kajian dan penyelidikan serta pemberian dalam bentuk bantuan modal kepada para petani.

“Setiap agensi dan jabatan mempunyai peranan dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mungkin pakar dalam kajian dan penyelidikan, manakala Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) pula mahir mengenai kaedah pemasaran produk.

“Oleh itu, dana tersebut perlukan diagihkan kepada pihak-pihak berkaitan bagi tujuan pembangunan sektor tersebut agar pembangunan bidang tertentu dapat berkembang dengan lebih menyeluruh,” katanya.